

# Politik bela bangsa

BH-4/10/2006

## Perjuangan untuk rakyat jadikan Umno terus disokong

Oleh Ahmad Ghazali Musa

**K**UANTAN: Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi berkata, umat Islam perlu melihat politik sebagai peluang terbaik untuk berjuang membawa kebaikan dalam membela bangsa dengan erti kata sebenar.

Perdana Menteri berkata, kalau ahli politik sibuk dengan politik kepartian, maka ia akan menyempitkan lagi perjuangan dan tidak akan membawa mereka ke mana-mana.

"Saya yakin apa yang menjadikan Umno gagah dan terus mendapat sokongan majoriti kerana kita tak lupa akan rakyat.

"Malah, ia menjadi amalan dan dilaksanakan sejak sekian lama. Kita perjuangkan nasib rakyat menerusi pembangunan dan mereka menikmati kebaikan daripada pembangunan itu," katanya pada majlis jamuan ber-

buka puasa bersama lebih 1,000 tamu anjuran Badan Perhubungan Umno Pahang di Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (Kipsas), di sini, malam tadi.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hi-

shammuddin Hussein; Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad dan Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Selepas berbuka puasa, Perdana Menteri turut bersolat Maghrib, Isyak dan solat Tarawih berjemaah bersama lebih 1,000 pemimpin Umno pada peringkat negeri, bahagian dan cawangan.

Sehubungan itu, Abdullah mengajak umat Islam menjadikan diri mereka bertambah baik sebagai mukmin dan mutaqin kerana orang yang mencapai tahap itu akan dibantu Allah.

"Orang yang bertakwa, Allah akan memberikannya jalan keluar kepada pelbagai kesulitan dan memberi rezeki melimpah ruah membolehkan mereka membantu pula lebih ramai golongan yang memerlukan," katanya.

Beliau berkata, ini dapat dilihat pada Ramadan ini yang mana ramai peniaga dan pengusaha Islam bersedekah dan melakukan banyak amal makruf sehingga mewujudkan suasana bahagia, ceria dan meriah di kalangan umat Islam.

"Inilah kebahagiaan yang kita kecapi kerana melakukan banyak amalan makruf dan sentiasa bermuhasabah diri. Allah beri kekuatan kepada kita dan kemenangan memeringi kemiskinan, kelemahan dan kejahilan.

"Lakukannya dengan kerelaan, kalau ia dihargai kita akan bahagia kerana kita buat sesuatu yang baik dengan membantu mereka yang susah.

"Kalau dapat kita bantu dan berjaya, kita akan puas hati kerana dapat membantu yang susah, membuatkan mereka gembira dan tersenyum. Ini akan memberi kekuatan kepada kita," katanya.

**“** Saya yakin apa yang menjadikan Umno gagah dan terus mendapat sokongan majoriti kerana kita tak lupakan rakyat

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri